

**MEDIA SOSIAL DAN IMPAKNYA KEPADA
KEHIDUPAN PELAJAR DI KAMPUS**

**MOHAMAD AIKAL AL-AMIN BIN ABDULLAH
TAIB**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

**MEDIA SOSIAL DAN IMPAKNYA KEPADA
KEHIDUPAN PELAJAR DI KAMPUS**

MOHAMAD AIKAL AL-AMIN BIN ABDULLAH TAIB



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

PENGAKUAN PELAJAR

Saya Mohamad Aikal Al-Amin bin Abdullah Taib mengakui bahawa hasil penulisan latihan ilmiah yang bertajuk Media Sosial dan Impaknya Kepada Kehidupan Pelajar di Kampus adalah merupakan hasil penulisan dan usaha saya sendiri kecuali nukilan dan rujukan yang telah saya nyatakan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Mohamad Aikal Al-Amin bin Abdullah Taib)

BA19110691

PROGRAM KOMUNIKASI

PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

NAMA : MOHAMAD AIKAL AL-AMIN BIN ABDULLAH TAIB

NO. MATRIKS : BA19110691

TAJUK : MEDIA SOSIAL DAN IMPAKNYA KEPADA KEHIDUPAN
PELAJAR DI KAMPUS

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(KOMUNIKASI)

TARIKH PENGHANTARAN : 12 OGOS 2022

DISEMAK :


DR SYAHRUDDIN BIN AWANG AHMAD

(Penyelia)



DISAHKAN OLEH :

(Tandatangan)



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi dengan limpah dan kurnianya saya dapat menyiapkan tugas latihan ilmiah dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Dr. Syahrudin bin Awang Ahmad selaku penyelia penyelidikan saya yang telah banyak membantu dalam pelbagai urusan dengan penuh kesabaran dan tunjuk ajar yang amat bermanfaat untuk menyelia di sepanjang proses penyediaan Latihan Ilmiah saya ini.

Penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Universiti Malaysia Sabah dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan kerana memberikan saya peluang untuk melakukan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan atas segala pertolongan dalam menjayakan kajian ini.

Di samping itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga tersayang atas segala bantuan dan dorongan semangat yang diberikan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan sekalian yang memberikan tunjuk ajar, nasihat dan juga bantuan dalam menjayakan kajian ini dengan sempurna.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Media sosial merupakan medium secara maya atau atas talian yang mana memberikan pengguna peluang untuk mengakses, berkongsi, melayari, menyertai, mencipta kandungan melalui rangkaian sosial yang meluas tanpa sempadan. Kajian ini mempunyai 2 objektif kajian iaitu pertama untuk mengenalpasti fungsi media sosial kepada pelajar di Universiti Malaysia Sabah dan yang kedua untuk mengetahui kesan media sosial kepada kehidupan pelajar di kampus. Kajian ini menggunakan teori *Digital Age Learning Teory* atau Teori Pembelajaran Zaman Digital untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan garis panduan bagi pengkaji semasa menjalankan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Seramai 327 orang responden telah menjawab soal selidik yang dibuat oleh pengkaji. Pengkaji turut menggunakan *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* untuk menganalisis data kajian. Kajian ini mendapati bahawa media sosial berfungsi sebagai komunikasi antara pelajar, sumber rujukan, medium membuat pelbagai tugas, penyelidikan, kelas secara atas talian, hiburan, e-sport, perniagaan atas talian, pengurusan kewangan dan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran. Kesan media sosial pula dilihat mampu meningkatkan kualiti hidup pelajar yang tinggal di kampus ke arah yang lebih moden dan digital.

Kata Kunci : Media Sosial, Digital



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

Social media is a virtual or online medium that provides users with the opportunity to access, share, browse, join, create content through an extensive social network without borders. This study has 2 research objectives, the first is to identify the function of social media for students at Universiti Malaysia Sabah and the second is to find out the impact of social media on students' lives on campus. This study uses the *Digital Age Learning Theory* to be used as reference material and guidelines for the researcher when conducting the study. This study uses a quantitative method that is using a questionnaire as a research instrument to collect data. A total of 327 respondents answered the questionnaire made by the researcher. The researcher also used *the Statistical Package for Social Science (SPSS)* to analyze the study data. This study found that social media functions as a communication between students, a reference source, a medium for making various assignments, research, online classes, entertainment, e-sports, online business, financial management and transport and delivery services. The effect of social media is seen to be able to improve the quality of life of students living on campus in a more modern and digital direction.

Keywords : Social Media, Digital



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii-ix
SENARAI JADUAL	x-xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 PENGENALAN	1-2
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	3-4
1.3 PERNYATAAN MASALAH	5
1.4 PERSOALAN KAJIAN	6
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.6 SIGNIFIKAN KAJIAN	7-8
1.7 SKOP KAJIAN	8
1.8 KESIMPULAN	9
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	
2.1 PENGENALAN	10
2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN TEORI	11-13
2.3 TINJAUAN KAJIAN LEPAS	13-16
2.4 MODEL KAJIAN	17-18

2.5 PENGKONSEPAN	18
2.6 KESIMPULAN	18
BAB 3 : KAEDAH KAJIAN	
3.1 PENGENALAN	19
3.2 POPULASI DAN SAMPEL	20
3.2.1 TEKNIK PERSAMPELAN	20-21
3.3 TATACARA PENGUMPULAN DATA UNTUK KERJA LAPANGAN	21
3.3.1 KAEDAH KAJIAN	21-22
3.3.2 REKA BENTUK KAJIAN	22-23
3.3.3 INSTRUMEN KAJIAN	23
a. SOAL SELIDIK SECARA ATAS TALIAN (GOOGLE FORM)	24
3.3.4 PEMERHATIAN	25
3.3.5 PENGANALISISAN DATA	25
a. DATA PRIMER	26
b. DATA SEKUNDER	26
c. KAEDAH PERPUSTAKAAN	26
3.4 PENGOPERASIAN	27
3.5 KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHIHAN	27-29
3.6 KESIMPULAN	30
BAB 4 : HASIL KAJIAN	
4.1 PENGENALAN	31
4.2 PROFIL DEMOGRAFI	31-36
4.3 FUNGSI MEDIA SOSIAL KEPADA PELAJAR DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	37-42
4.4 KESAN MEDIA SOSIAL KEPADA KEHIDUPAN PELAJAR DI KAMPUS	43-49
4.5 MIN DAN SISIHAN PIAWAI	50
4.6 CRONBACH'S ALPHA / KEBOLEHPERCAYAAN	50

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.3.3 : Kandungan Soal Selidik	24-25
Jadual 4.2.1 : Jantina	32
Jadual 4.2.2 : Umur	32
Jadual 4.2.3 : Tahun Pengajian	33
Jadual 4.2.4 : Program	33-34
Jadual 4.2.5 : Agama	34
Jadual 4.2.6 : Etnik	35
Jadual 4.2.7 : Kolej Kediaman	35-36
Jadual 4.3.1 : Media sosial seperti Whatsapp merupakan alat komunikasi antara pelajar	37
Jadual 4.3.2 : Media sosial sebagai sumber rujukan kepada pelajar dalam pelajaran dan isu semasa seperti di Google	37-38
Jadual 4.3.3 : Media sosial sebagai medium penyelidikan bagi pelajar seperti di Youtube dan Telegram	38
Jadual 4.3.4 : Google Meet dan Webex Meet berfungsi sebagai platform pembelajaran secara atas talian	38
Jadual 4.3.5 : Platform pembelajaran secara atas talian dan aplikasi seperti Smartv3 UMS dan Smart Hadir UMS merupakan medium pembelajaran atas talian dan pengimbas kehadiran pelajar secara atas talian	39
Jadual 4.3.6 : Media sosial seperti Youtube, twitter dan instagram bertindak sebagai medium hiburan dan sosial kepada pelajar	39-40
Jadual 4.3.7 : Media sosial sebagai platform permainan atas	40

<p>talian atau e-sport untuk pelajar seperti aplikasi Mobile Legend dan Pubg Mobile</p>	
Jadual 4.3.8 : Media Sosial berfungsi sebagai tempat Business Online kepada pelajar seperti di Lazada	41
Jadual 4.3.9 : Media sosial digunakan untuk pengurusan wang pelajar seperti di Shopee dan Maybank2u	41-42
Jadual 4.3.10 : Media Sosial bertindak sebagai perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barang untuk pelajar sebagai contoh Grab dan Foodpanda	42
Jadual 4.4.1 : Komunikasi antara pelajar lebih efisien tanpa perlu bersemuka dalam pelbagai urusan	43
Jadual 4.4.2 : Pelajar dapat mengakses pelbagai maklumat secara bebas, mengutip data dan memanfaatkannya dalam pelajaran serta kehidupan	43-44
Jadual 4.4.3 : Kewujudan media sosial memberi peluang dan ruang yang besar kepada pelajar dalam mencari serta membuat kajian dan penyelidikan dalam sesuatu perkara	44
Jadual 4.4.4 : Pelajar masih dapat mengikuti kelas kuliah secara atas talian walaupun tidak dapat hadir bersemuka di kampus	45
Jadual 4.4.5 : Aplikasi Smartv3 UMS dan Smart Hadir UMS memudahkan segala aktiviti pembelajaran secara atas talian seperti penghantaran tugas, komunikasi bersama pensyarah dan rekod kehadiran pelajar	45-46
Jadual 4.4.6 : Media sosial dapat mengisi masa lapang pelajar dengan hiburan lagu, video, movie dan sebagainya seperti di Youtube, Netflix dan Tiktok	46

Jadual 4.4.7 : Kewujudan e-sport di media sosial bukan sahaja dapat mengisi masa lapang pelajar malah membuka peluang untuk pelajar menyertai pertandingan secara atas talian	47
Jadual 4.4.8 : Pelajar dapat mempelajari ilmu perniagaan secara atas talian untuk pelajaran dan juga boleh digunakan untuk mencari pendapatan sampingan semasa belajar seperti di Lazada, Shopee dan Facebook	47-48
Jadual 4.4.9 : Pelajar dapat menguruskan kewangan dengan efisien dan sistematik di atas talian tanpa berurusan secara bersemuka dengan adanya e-banking, FPX dan e-wallet	48
Jadual 4.4.10 : Pelajar bebas dalam membuat pesanan, tempahan dan penghantaran makanan serta barang secara atas talian melalui aplikasi yang menjalankan perkhidmatan tersebut seperti e-hailing, Grab, Foodpanda, Shopee, Lazada dan Zalora	49
Jadual 4.5 : Min dan Sisihan Piawai	50
Jadual 4.6 : Cronbach's alpha / Kebolehpercayaan	50
Jadual 4.7 : Kolerasi	51

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.4 : Model Kajian	17-18
Rajah 3.2.1 : Teknik Persampelan	20-21



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

UMS	Universiti Malaysia Sabah
UUM	Universiti Utara Malaysia
SPSS	Statistical Package For The Social Science
FSSK	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
PERMASS	Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1

Halaman

61-65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perubahan yang besar berlaku dalam dunia kini telah membuatkan bidang media sosial menjadi medium kegunaan orang ramai. Hal ini membuatkan pengkaji tertarik untuk melakukan kajian terhadap pengurusan diri pelajar melibatkan media sosial dalam kehidupan seharian Severin dan Tankard (2001).

Kaplan dan Haenlein (2010), media sosial adalah satu tempat atau medium secara maya atau atas talian yang mana memberikan pengguna peluang untuk mengakses, berkongsi, melayari, menyertai, mencipta kandungan melalui rangkaian sosial yang meluas tanpa sempadan. Media sosial juga boleh didefinisikan sebagai sebuah aplikasi yang berasaskan sumber internet bertujuan untuk menjalankan operasinya secara sistematik dan baik (Fadzli, Marhana dan Ab. Hamid, 2014).

Harley dan Curl (2018) turut berpendapat bahawa media sosial bertindak sebagai alat untuk berkomunikasi antara individu dengan individu melepasi jaringan sempadan dan meliputi sempadan yang meluas. Selain itu, bidang ini berfungsi sebagai media massa di mana menjadi sarana untuk penggunaannya dalam mencari dan mengakses pelbagai maklumat dan informasi. Tambahan lagi media sosial dilihat sebagai satu 'hubungan yang wujud antara rangkaian orang' (Walter & Riviera, 2004).

Media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, Tiktok dan aplikasi yang lain merupakan platform yang paling ramai digunakan dalam dunia masa ini. Media sosial bertindak dalam pelbagai tujuan, fungsi dan juga kegunaan yang digunakan oleh individu. Oleh itu, media sosial berperanan penting dalam memastikan sistem yang dicapai sentiasa dapat dikawal dan bergerak secara sistematik. Setiap individu yang menguruskan media sosial haruslah sentiasa bertanggungjawab, amanah dan mematuhi peruntukan undang-undang yang telah digariskan dan ditetapkan, di mana perkara ini dapat memastikan media sosial sentiasa dalam keadaan terkawal dan dipelihara.

Kehidupan pelajar di kampus pada zaman dahulu atau sebelum bermulanya kerancakkan dalam bidang teknologi maklumat ini menunjukkan perbezaan yang ketara (Raziq, 2019). Sebelum zaman teknologi digital dan media sosial ini berkembang pengurusan diri pelajar berkaitan kehidupan seharian di kampus memerlukan masa yang banyak dan pelaksanaan kerja lebih kepada cara lama atau manual. Sebagai contoh dari segi komunikasi antara pelajar dan pelajar hanya boleh membuat panggilan dan teks sahaja, berbeza pada masa ini pelajar dapat berkomunikasi secara real dan sistematik seperti smartphone yang membolehkan pelajar membuat panggilan video call, bermesyuarat secara atas talian, menghantar dokumen dan sebagainya.

Pengurusan diri pelajar di kampus melibatkan media sosial dalam kehidupan seharian semestinya memberikan kesan yang langsung dan tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana pengurusan diri pelajar melibatkan aspek komunikasi, pengajaran dan pembelajaran, tugas dan kerja lain saling bergantung antara media sosial dan pelajar. Hal ini bertujuan bagi memudahkan segala kerja dalam apa jua perkara yang ingin dilakukan berjalan dengan mudah dan menghasilkan kualiti kerja yang produktif serta efektif.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.2 Latar Belakang Kajian

Bab ini menerangkan secara keseluruhan mengenai pengkajian yang dilakukan dalam menyelidik berkaitan media sosial dan impaknya kepada kehidupan pelajar di kampus yang dihurai dalam latar belakang, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian. Latar belakang kajian ini dilakukan di kampus Universiti Malaysia Sabah. Mengikut sejarah perkembangan media sosial, ianya bermula pada tahun 2002 dimana ketika itu wujudnya sebuah media sosial yang bernama Friendster. Friendster ketika kewujudannya telah mendapat perhatian ramai meliputi seluruh dunia yang ketika itu sudah menggunakan internet sebagai medium utama untuk mencapai Friendster. Melalui laman web tersebut dianggarkan tiga juta orang telah mendaftarkan diri sebagai pengguna selepas 3 bulan laman web atau aplikasi itu dilancarkan.

Media sosial itu berfungsi sebagai medium untuk memuat naik gambar dan berinteraksi dengan orang lain membuatkan ramai pengguna menyukainya. Selain itu, platform ini juga dijadikan sebagai medium untuk berbual atau chatting bagi pengguna yang mencari teman atau pasangan (Lee, 2010). Setelah dua tahun pengoperasian aplikasi ini mendapat sambutan dan keuntungan yang tinggi, Mark Zuckerberg merupakan pengasas sebuah aplikasi baru iaitu Facebook telah mewujudkan satu persaingan yang kuat antara dua buah syarikat tersebut. Hal ini membuatkan Friendster mula ditinggalkan oleh pengguna kerana Facebook telah meningkatkan kemajuan dalam komunikasi, interaksi dan aktiviti sosial yang lebih berkualiti, seronok dan maju pada tahun 2004.

Facebook merupakan aplikasi yang membolehkan pengguna memuat naik gambar, video, menulis sesuatu perkara dan boleh dilihat oleh semua orang yang menggunakannya diseluruh dunia. Facebook juga merupakan aplikasi sosial yang tertua berbanding aplikasi yang lain dan mempunyai kelebihan tersendiri dalam pengoperasiannya (Ika Destiana, 2013). Kemunculan beberapa aplikasi media sosial ini secara menyeluruh di seluruh dunia, bermulalah perkembangan media sosial melibatkan pelbagai aplikasi media sosial yang baru telah dicipta seperti Whatsapp, Instagram, Telegram, Twitter dan sebagainya.

Dalam era globalisasi kini, media sosial dilihat menjadi satu platform yang besar dan juga penting kepada manusia dalam melakukan pelbagai aktiviti. Media sosial yang dipacu oleh teknologi digital yang berasaskan internet sememangnya mempengaruhi gaya hidup manusia dari segi pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

Pada masa ini media sosial menjadi keutamaan bagi pelajar yang tinggal di kampus untuk menguruskan kehidupan seharian mereka dengan sistematik dan fleksibel (Zul Fadhi, 2019). Media sosial bukan sahaja ruangan atau medium untuk pelajar melakukan aktiviti sosial di laman tersebut semata-mata. Akan tetapi media sosial mempunyai pelbagai impak yang positif dan mampu mempengaruhi gaya hidup pelajar UMS ke arah yang lebih maju.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.3 Pernyataan Masalah

Media sosial dapat digunakan secara menyeluruh dan tanpa batasan dalam kalangan pelajar semasa berada di kampus. Hal ini memberikan pelajar ruang dan medium secara bebas dalam melakukan apa jua capaian yang mereka lakukan melalui media sosial. Kebijaksanaan pelajar yang berada di kampus UMS dalam menguruskan media sosial bergantung kepada tahap kesedaran dan disiplin mereka. Pengurusan diri yang baik dalam kehidupan seharian mereka dengan media sosial sudah tentu memberikan kelebihan dan juga perkembangan yang positif untuk pelajar.

Umum mengetahui bahawa perkembangan media sosial kini memberikan indikator kepada kemajuan teknologi digital yang sangat berkembang dengan pesat. Media sosial secara amnya memberikan manfaat dan juga kelebihan kepada pelajar di kampus UMS untuk menggunakannya secara bebas dan fleksibel. Namun begitu kemajuan dalam bidang ini haruslah seiring dengan budaya hidup pelajar yang berdisiplin dan bermoral. Terdapat pelbagai media sosial masa ini yang memberikan kebaikan kepada pelajar dalam aspek pengurusan diri pelajar seperti Whatsapp, Facebook, Webex Meet, Smartv3, Youtube, Google dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti fungsi media sosial kepada pelajar di Universiti Malaysia Sabah. Akhir sekali, pengkaji akan mengetahui kesan media sosial kepada kehidupan pelajar di kampus.

1.4 Persoalan Kajian

Media sosial merupakan medium alam maya yang terdiri daripada pelbagai teknologi yang digunakan oleh konsumen untuk berkomunikasi serta berinteraksi antara satu pihak dengan pihak yang lain meliputi pelbagai aspek. Secara lazimnya, media sosial memberikan satu perubahan yang besar kepada kehidupan seharian pelajar di kampus ke arah yang lebih moden.


Persoalan yang timbul ialah :

- i. Apakah fungsi media sosial kepada pelajar di Universiti Malaysia Sabah?
- ii. Apakah kesan media sosial kepada kehidupan pelajar di kampus?

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan ialah:

- i. Untuk mengenalpasti fungsi media sosial kepada pelajar di Universiti Malaysia Sabah.
- ii. Untuk mengetahui kesan media sosial kepada kehidupan pelajar di kampus.



1.6 Signifikan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenalpasti fungsi media sosial kepada pelajar yang tinggal di Kampus Universiti Malaysia Sabah. Oleh yang demikian, pengkaji dapat mengetahui dan menganalisis kegunaan media sosial terhadap aspek pengurusan diri pelajar semasa dalam pengajian. Media sosial sememangnya penting kepada pelajar dalam melakukan pelbagai urusan harian tidak kiralah melibatkan aspek sosial, ekonomi, pendidikan, agama dan sebagainya. Sebagai seorang pelajar, media sosial dilihat memberi peluang dan ruang yang besar serta bebas kepada golongan ini untuk mengakses aplikasi atau web dan mencapai segala maklumat atau info yang ingin diketahui (Kaplan dan Haenlein, 2010). Dalam mendepani Industri Revolusi 4.0 yang dilihat semakin bergerak maju bersama teknologi, media sosial dilihat semakin berkembang pesat secara komprehensif dalam persekitaran pelajar (Fauzi, 2017). Hal ini membuatkan pelajar lebih aktif dalam mendepani sistem pembelajaran yang maju dan berkualiti ini. Pelajar mampu menggunakan media sosial yang terdapat dalam internet sebagai medium pembelajaran secara atas talian di luar waktu belajar atau kuliah. Capaian yang tanpa batas tentang pelbagai perkara khususnya tentang pembelajaran memberikan pelajar lebih berpengetahuan dalam sesuatu perkara tersebut. Hal ini secara langsung memberikan kesan yang baik untuk perkembangan kualiti dan mutu pembelajaran pelajar apabila media sosial digunakan secara bijak.

Media sosial dilihat sebagai faktor yang besar dalam perkembangan aspek sosial pelajar. Aplikasi yang tertumpu kepada perbualan atas talian, komunikasi antara satu sama lain memberikan indikator terhadap transformasi yang besar telah berlaku dalam aspek sosial (Jasmi dan Kamarul Azmi, 2019). Pelajar yang juga sebagai rakan memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam merencanakan lagi aspek ini. Sebagai contoh, pada era kini komunikasi antara pelajar selepas waktu belajar lebih kepada penggunaan media sosial atas talian. Ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi pelajar terhadap media sosial sangat meluas. Perbincangan dan perbualan yang dijalankan secara atas talian memberikan pelbagai kesan secara langsung mahupun tidak langsung. Bukan sekadar itu sahaja, sebagai rakan dalam kalangan pelajar, komunikasi antara mereka lebih berkesan dan boleh dilakukan pada bila-bila masa.

Aspek kebergantungan pelajar terhadap media sosial dalam kehidupan sebagai ahli keluarga turut memberikan satu perubahan yang besar dalam institusi kekeluargaan. Komunikasi antara ahli keluarga tidak terpisah walaupun berada jauh daripada keluarga dengan wujudnya media sosial yang bertindak sebagai penyatu hubungan sesama keluarga (Latif, 2019). Jika dilihat pada zaman dahulu, pelajar hanya mampu menggunakan Message dan Call sahaja untuk berkomunikasi dan bertanya khabar, namun pada zaman kini dengan perkembangan media sosial pelajar sebagai seorang anak dapat menggunakan kemudahan aplikasi yang berfungsi untuk Video Call, FaceTime dan pelbagai lagi yang sudah tentu menambahkan keakraban hubungan sesama keluarga (Roslan, 2018).

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan berfokus kepada media sosial yang terdapat masa ini. Pengkaji melihat media sosial kini begitu berkembang dan maju dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk membuat kajian dalam kalangan pelajar melibatkan kehidupan sebagai seorang pelajar di kampus dalam menggunakan media sosial. Media sosial dilihat menjadi satu medium yang penting untuk pelajar dalam aspek pengurusan diri.

Pelajar bukan sahaja menggunakan media sosial sebagai ikutan trend tetapi teknologi digital kini telah melalui satu transformasi yang menyeluruh dan maju dimana segala kemudahan dan perkhidmatan berlaku secara atas talian. Kajian ini juga hanya difokuskan kepada semua pelajar di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dari tahun 1 sehingga tahun 3. Kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar di bawah fakulti lain atau tempat lain. Jumlah pelajar FSSK dari tahun 1 sehingga tahun 3 pada tahun 2022 seramai 2149 orang. Data ini diperolehi daripada Laman rasmi Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni (PERMASS) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Dalam kajian ini, instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji melibatkan pendekatan kuantitatif. Pengkaji telah memilih instrumen soal selidik sebagai cara atau kaedah untuk mengumpul data. Reka bentuk kajian ini dibina dan ditetapkan sebelum data dipungut. Responden kajian adalah sampel yang dipilih dengan menggunakan kaedah tersebut iaitu soal selidik.